



12 Ogos 2024



Dakwaan Annuar tidak tepat - JAKOA

KOTA BHARU: Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) menolak dakwaan Tan Sri Annuar Musa bahawa masalah bekalan air di perkampungan Orang Asli di Gua Musang berpunca daripada kegagalan pihaknya menyelenggara sistem rawatan air yang disediakan.

Sebaliknya, JAKOA dalam satu kenyataan, hari ini, menyifatkan dakwaan Annuar yang juga Pengarah Operasi Perikatan Nasional (PN) bagi Pilihan Raya Kecil (PRK) Dewan Undangan Negeri (DUN) Nenggiri, sebagai tidak tepat.

Katanya, sebanyak 109 kampung Orang Asli di Gua Musang mempunyai sistem bekalan air di mana tiga kampung menggunakan sistem air paip, telaga tiub atau boring (16) dan baki 90 lagi graviti (sungai).

"Sejumlah RM25 juta diperuntukkan bagi kerja pembinaan baharu dan pembaikan sistem rawatan air, manakala RM5 juta dibelanjakan bagi kontrak penyelenggaraan menerusi Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK12).

"Isu pembekalan air ke perkampungan Orang Asli adalah berpunca daripada sumber air yang terhad, selain sumber air tercemar. Masalah ini berlaku bukan saja di perkampungan Orang Asli, malah di seluruh Kelantan.

"Hal ini disebabkan kurangnya kawasan tadahan hujan yang dapat menyalurkan air ke kawasan sekitar akibat aktiviti pembalakan dan pembukaan ladang secara tidak terkawal serta kurangnya kawalan terhadap pencemaran air di sungai Kelantan," katanya.

Bagaimanapun, menurut kenyataan itu lagi, JAKOA tetap berusaha menyediakan alternatif lain bagi mendapatkan sumber bekalan air untuk masyarakat Orang Asli, termasuk membangunkan telaga tiub (sumber air bawah tanah) melalui kerjasama strategik dengan agensi berkaitan seperti Jabatan Mineral dan Galian (JMG) serta universiti tempatan.

Terdahulu, Annuar dilaporkan berkata, peruntukan bagi penyediaan bekalan air bersih di penempatan pedalaman Orang Asli, disalurkan kepada JAKOA, sekali gus menepis dakwaan bahawa masalah bekalan air yang dihadapi penduduk berkenaan adalah disebabkan kegagalan kerajaan negeri menyelesaikannya.